

UMNO - KESIMPULAN

KUALA LUMPUR, 29 SEPT. (BERNAMA) -- PERHIMPUNAN AGUNG KE-36 UMNO DAN PERHIMPUNAN AGUNG KHAS YANG BERAKHIR DI KOMPLEKS UMNO DI SINI PETANG INI DISIFATKAN SEBAGAI YANG PALING BAIK DALAM SEJARAH PARTI. KESIMPULAN INI BUKAN SAHAJA DIBUAT OLEH PARA WAKIL DAN PEMERHATI TETAPI JUGA PUCUK PIMPINAN UTAMA UMNO TERMASUK DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PRESIDEN UMNO ITU MENYIFATKAN PERSIDANGAN KALI INI SEBAGAI TERBAIK YANG MEMBUAHKAN PENDAPAT-PENDAPAT YANG BERNAS WALAUPUN TIDAK SEGAMAT PERHIMPUNAN-PERHIMPUNAN YANG LALU.

KATANYA WALAUPUN ADA PENDAPAT YANG BERBEZA-BEZA DI KALANGAN PARA PERWAKILAN MENGENAI SESUATU ISU, TETAPI IA DIBINCANGKAN DALAM SUASANA PERSAUDARAAN SEPERTI YANG DIKEHENDAKI OLEH UMNO.

BELIAU GEMBIRA KERANA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI MENGUTAMAKAN PERPADUAN DAN MENYIFATKANNYA SEBAGAI RAHSIA KEJAYAAN UMNO SELAMA 39 TAHUN. -- LAGI.

1752MST 29 09 85

UMNO - KESIMPULAN 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PRESIDEN DATUK MUSA HITAM PULA MEMUJI MUTU PERBAHASAN KALI INI YANG MENURUTNYA SAMPAI KEPADA TAHAP KEMATANGAN YANG PENUH.

+KEBANYAKAN UCAPAN PENUH DENGAN KANDUNGAN YANG BAIK DAN HARUS DIPUJI,+ KATANYA.

DATUK MUSA MEMUJI PARA WAKIL YANG MEMBERI TUMPUAN SEPENUHNYA KEPADA SETIAP PEMBAHAS DAN BELIAU GEMBIRA KERANA PERHIMPUNAN INI BERJALAN TANPA SORAK-MENYORAK.

SELIAU JUGA BERKATA SETIAP ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI MEMPUYAI GAYA TERSENDIRI UNTUK MENJAWAB ATAU MENGUPAS HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN DAN DALAM PERHIMPUNAN KALI INI, SATU GAYA BARU DITUNJUKKAN OLEH BENDAHARI UMNO ENCIK DAIM ZAINUDDIN.

+ENCIK DAIM MEMPERLIHATKAN GAYANYA YANG MENARIK KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN. BEGITU JUGA DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA LAIN.+ -- LAGI.

1754MST 29 09 85

UMNO - KESIMPULAN 3 KUALA LUMPUR

SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID SECARA TERUS TERANG BERKATA PERHIMPUNAN KALI INI SEBAGAI YANG TERBAIK.

BELIAU +LEGA+ KERANA TIDAK ADA WAKIL YANG MENKRITIK IBU PEJABAT SECARA TERBUKA +WALAU ADA YANG AKAN BERSUNGUT APABILA PULANG KE TEMPAT MASING-MASING SELEPAS INI.+

PERHIMPUNAN AGUNG SELAMA DUA HARI MULAI JUMAAT MELULUSKAN EMPAT USUL SEMENTARA PERHIMPUNAN AGUNG KHAS HARI INI MELULUSKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PARTI.

USUL-USUL YANG DILULUSKAN IALAH MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA PRESIDEN PARTI KERANA UCAPAN DASAR YANG DIBENTANGKAN OLEH UMNO BAHAGIAN BATU PAHAT, USUL EKONOMI YANG DIBAWA OLEH WANITA UMNO, USUL AGAMA OLEH PEMUDA UMNO DAN USUL MELANTIK HANAFIAH, RASLAN DAN MOHAMAD SEBAGAI PEMERIKSA KIRA-KIRA UMNO BAGI TAHUN 1983 YANG DIBENTANGKAN OLEH MAJLIS TERTINGGI.

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN DIBENTANGKAN OLEH NAIB PRESIDEN ENCIK GHAFAR BABA DALAM PERHIMPUNAN AGUNG KHAS YANG DILULUSKAN SEBULAT SUARA. -- BERNAMA

1756MST 29 09 85